



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 9 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS RAMPAS ENAM ANJING IMPORT, NASIONAL, BH-24 IMPORT ENAM ANJING DARI TAWAU GUNA MAKLUMAT PALSU, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SH-20 KPDNHEP KEDAH SEDIA BERKERJASAMA TANGANI PENYELUDUPAN AYAM SEJUK BEKU, NEGERI KEDAH N.SEMBILAN, SH-23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6.	GAGAL SELUDUP BENIH KERANG, DALAM NEGERI, UM-33 JABATAN PERIKANAN SIASAT TULAR IKAN DITUBA DI SUNGAI SERTING, NEGERI KEDAH N.SEMBILAN, SH-23 GAGAL SELUDUP BENIH KERANG, NEGERI PERAK, SH-24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	725 HEKTAR PADI ROSAK AKIBAT BENA PERANG DI KEDAH, NEGARA, KOSMO-16 SERANGAN BENA PERANG MEMATIKAN POKOK PADI, DALAM NEGERI, UM-30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	DEDAK NAIK HARGA PENTERNAK TERBEBAN, DALAM NEGERI, UM-30 HUMID ASID BANTU TINGKAT PENGELUARAN PADI JOHOR, DALAM NEGERI, UM-30 RM5MIL ALLOCATION TO UPGRADE RICE PRODUCTION EQUIPMENT, PROVIDE TECHNICAL SUPPORT, NEWS, CHINA PRESS JOHOR-C4 RM97 MLN ONE-OFF AID FOR 323,334 RECIPIENTS, HOME, BORNEO POST (KK)-1 HUJAN, BANJIR PUNCA HARGA SAYUR NAIK, NASIONAL, BH-14 KURANG BEKALAN IMPORT AKIBAT PKP PENGARUHI HARGA, NASIONAL, BH-15 PEMBUAT KEK TANAM SENDIRI STRAWBERI, NEGARA, KOSMO-17 REZEKI ANGGUR LAUT, LOKAL, HM-21 STRAWBERI TANAH RENDAH JADI PILIHAN , DALAM NEGERI, UM-13 LATOK PORT DICKSON JANA RM1 JUTA, DALAM NEGERI, UM-13 BIRI - BIRI "JANGOK" JADI TEMAN NURUL, DALAM NEGERI, UM-31 SEMANGAT TAK MENGALAH DUA TEMAN, GAYA TANI, UM-25&25	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAQIS rampas enam anjing import

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas enam anjing yang diimport dari Taiwan, selepas nombor mikro-cip pada haiwan itu didapati berbeza dengan dokumen permit import yang diisytiharkan.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr Tarmisal Alimin, berkata kesalahan itu dikesan ketika pemeriksaan dilakukan terhadap dokumen dan fizikal haiwan berkenaan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 6 petang, 4 Februari lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, beliau berkata, haiwan terabit ditahan dan dikuarantin untuk tindakan lanjut.

Tarmisal berkata, mengimport haiwan kesayangan dengan mengisytiharkan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan ialah satu kesalahan mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH DAN JENAYAH	20

Import enam anjing dari Taiwan guna maklumat palsu

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan cubaan mengimport enam ekor anjing dari Taiwan yang disyaki menggunakan maklumat palsu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Khamis lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, kesalahan

dikesan ketika pemeriksaan rapi dokumen dan fizikal haiwan tersebut. Menurut Maqis, pemeriksaan mendapati nombor mikrochip yang terdapat pada badan anjing tersebut didapati tidak sama dengan dokumen permit import yang diisytiharkan.

"Kesalahan mengimport haiwan kesayangan dengan mengisytiharkan maklumat yang palsu, tidak tepat

atau mengelirukan merupakan satu kesalahan.

"Kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, kesemua haiwan tersebut ditahan dan dikuarantin untuk tindakan selanjutnya.

Gagal seludup benih kerang

42 guni benih kerang
cuba diseludup guna
trak tunda

Oleh SAIFULLAH AHMAD

SITI AWAN

Jabatan Perikanan Perak dengan bantuan Polis Marin dalam Operasi Inter-Agensi mengagalkan cubaan menyeludup 42 guni benih kerang bernilai RM58,800 menggunakan trak tunda pada Isnin.

Ketua Cawangan Penguurusan Sumber dan Perlindungan Jabatan Perikanan Perak, Salehudin Ismail berkata, operasi itu juga berjaya menahan dua individu masing-masing berusia 22 dan 30 tahun yang merupakan pemandu dan kelendak trak tunda berkenaan.

Menurutnya, nilai rampasan 42 guni kerang tersebut RM58,800 manakala trak tunda pula dianggarkan bernilai RM240,000.

"Ini kes pertama yang kita kesan menggunakan trak



Salehudin (tengah) menunjukkan benih kerang semasa sidang akhbar di Pengkalan Utama Jabatan Perikanan Perak, Sitiawan pada Isnin.

tunda untuk menyeludup benih kerang ini kerana sebelum ini penyeludup menggunakan lori yang diubah suai dan kereta.

"Benih kerang yang diambil dari Kebun Kerang Lekir ini dipercayai cuba diseludup ke utara tanah air dan negara jiran menggunakan orang tengah," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Pengkalan Utama Jabatan Perikanan Perak, Kampung Acheh di sini pada Isnin.

Beliau menjelaskan benih kerang tersebut diseludup secara transit ke beberapa lokasi sebelum dijual ke Thailand.

Dalam perkembangan sama, Salehudin berkata, operasi itu sebenarnya bermula sejak 6 Februari selama tiga hari membabitkan kawasan Pangkor hingga Kuala Bernam.

Katanya, dalam tempoh itu Jabatan Perikanan berjaya menghasilkan 37 kes dengan 33 kes berkaitan benih kerang manakala baki empat kes membabitkan bubu naga.

Menurutnya, seramai 18 individu berusia di antara 17 hingga 50 tahun ditahan dalam operasi tersebut.

"Antara barang dirampas dan disita termasuklah sampan, bubu naga, kor

tangan, kor bergalah dan enjin bot.

"Nilai keseluruhan rampasan dan barangan yang disita berjumlah RM657,930," katanya.

Jelasnya, kesemua ditahan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985, Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002 dan Seksyen 11 (3)(a) Akta Perikanan 1985.

Sehubungan itu katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dan menggerakkan Operasi Inter-Agensi dari masa ke masa dalam menguatkuasakan Akta Perikanan 1985.

"Kerjasama ini dapat membantu membanteras kegiatan ini dalam memastikan sumber marin dipelihara daripada ancaman kepupusan.

"Kita amat memandang serius isu kecurian benih kerang di Perairan Lekor dan mana-mana perairan di Perak. Perairan Lekir diwartakan kepada Jabatan Perikanan Perak untuk tujuan pembangunan kebun kerang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH. N.SEMBILAN	23

Jabatan Perikanan siasat tular ikan dituba di Sungai Serting

JEMPOL - Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sedang menyasat dakwaan berlaku aktiviti menuba ikan di Sungai Serting, Jempol yang tular di media sosial Facebook sejak pagi Isnin.

Pengarahnya, Halimi Abu Hanip berkata, usaha mengesan pemilik akaun media sosial itu kini dilakukan bagi mendapatkan maklumat lanjut.

“Kita mendapat maklumat berhubung perkara itu di Facebook. Bagaimanapun setakat ini belum dapat dipastikan lagi sama ada maklumat dikongsi oleh pemilik akaun itu benar atau tidak.

“Belum ada individu yang tampil melaporkan perbuatan itu kepada kami. Saya tidak boleh mengesahkan berlaku aktiviti menuba ikan di situ kerana belum ada bukti lagi,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Jelas beliau, berdasarkan gambar semata-mata, kita tidak boleh membuktikan ikan itu ditangkap menggunakan cara menuba, mengaran (kejutan elektrik) atau mengebom termasuk sama ada benar ia berlaku di sungai serta tarikh kejadian.

Menurutnya, berdasarkan rekod pihaknya, kegiatan sebegini lazimnya dilaporkan berlaku sebaik sahaja musim kering tiba selepas berakhirnya musim tengkujuh.

KPDNHEP Kedah sedia bekerjasama tangani penyeludupan ayam sejuk beku

ALOR SETAR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah bersedia memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak terutamanya Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bagi memastikan tidak berlakunya cubaan menyeludup ayam sejuk beku dari negara jiran.

Pengarah KPDNHEP negeri Kedah, Rae Morn Verak berkata, mereka juga mengalu-alukan sebarang aduan daripada pengguna sekiranya terdapat penjualan ayam berkenaan dalam pasaran tempatan.

"Kita bersedia untuk bekerja-

sama dengan mana-mana agensi terlibat berdasarkan arahan daripada pihak atasan. Bagaimanapun setakat ini kita belum menerima sebarang laporan lagi.

"Berkaitan aduan daripada pengguna pula kita akan ambil tindakan sepatutnya mengikut bidang kuasa kita bagi pihak pengguna," katanya ketika melakukan pemeriksaan bekalan ayam di Ayam Bismi Sdn Bhd di Simpang Empat di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Rae Morn berkata, 16 jenis barangan disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina bermula 8 hingga 16

Februari depan.

Katanya, skim ini akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 yang melibatkan barangan seperti ayam, telur ayam, sayuran, hasil laut dan daging babi.

"Penentuan harga barangan bagi Kedah dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak," katanya.



Rae Morn (tga, kanan) memajutkan tanda harga barangan semasa jambu yang harus dipaparkan pada setiap barangan yang disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina bermula 8 hingga 16 Februari depan.

Gagal seludup benih kerang

Oleh SHAMSUL KAMAL
AMARUDIN
utusannews@mediamuka.com.my

LUMUT: Benih kerang pun menjadi barangan seludup. Terbaharu, pihak berkuasa perikanan Perak berjaya menatabahkan cubaan menyeludup benih kerang bernilai RM58,000 ke negara jiran menggunakan trak tunda di Pantai Remis semalam.

Taktik terbaharu menggunakan trak tunda itu gagal apabila kegiatan itu berjaya dihidu pihak berkuasa menentasi satu tangkapan pada kira-kira pukul 4 pagi. Dalam tangkapan itu, sebanyak 42 goni benih kerang bernilai RM58,800 ditemui dan disorok dalam kawasan nuang kosong trak tersebut yang ditutup dengan beberapa biji tayar.

Kerua Cawangan Pengurusan dan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Perak, Sallehudin Ismail berkata, tangkapan itu hasil risikan pihaknya dan Pasukan Polis Marin (PPM) sejak empat hari lalu.

"Ketika ditahan, trak itu dipercayai dalam perjalanan ke Sungai Petani, Kedah, sebelum semua benih itu diarahkan akan dipindahkan ke kenderaan lain untuk diseludup ke negara jiran.

"Ini adalah kes pertama menggunakan trak tunda diubah suai untuk seludup kerang yang kami jumpa," katanya dalam sidang akhbar di Pang-



SALLEHUDIN Ismail (kanan) menunjukkan benih kerang yang cuba diseludup ke luar negara menggunakan trak tunda yang dirampas di Pantai Remis, semalam. - UTUSAN/ SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

Kalian Cawangan Perlindungan Sumber CFS Kampung Acheh dekat sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua CFS Kampung Acheh, Mansor Yobe.

Menurut Sallehudin, dua lelaki yang menaiki trak tersebut berusia 22 dan 31 tahun dipercayai olupah oleh orang tengah dan sudah dibebaskan dengan jaminan polis sementara menunggu tindakan selanjutnya manakala semua berharga kerang dan trak tunda berharga RM240,000 disita.

Katanya, benih kerang tempatan bernilai tinggi dan menjadi sasaran diseludup ke Thailand kerana harganya empat kali ganda lebih tinggi jika dijual di negara tersebut.

Beliau berkata, selain tangkapan itu, pihaknya dengan kerjasama PPM melakukan beberapa tangkapan lain yang melibatkan kes-kesalahan berkaitan kerang dan buhu naga dalam operasi bersama pda Kelimain dan semalam dari kawasan Pulau Pangkor hingga Kuala Beraim.

Kelimain, katanya, operasi itu berjaya menahan tujuh lelaki berusia antara 17 hingga 50 tahun selepas disyaki terlibat kes pengambilan benih kerang di kawasan pengkulturan di Lekir dekat sini melibatkan RM134,250.

Menurut beliau, turut disita ialah empat goni benih kerang, 18 unit alat menangguk benih bergalah, tujuh unit alat menangguk benih, penggunaan tanggan serta lima sampian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2021	KOSMO	NEGARA	19



AHMAD TARMIZI (dua dari kiri) melihat demonstrasi kawalan bena perang menggunakan teknologi dron di Tanjung Radin dan Bukit Senil, Pendang semalam.

725 hektar padi rosak akibat bena perang di Kedah

ALOR SETAR – Serangan penyakit bena perang di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis kini mencapai tahap *hopperburn* atau kematian pokok padi di kebanyakan sawah pada musim 2/2020 dari November tahun lepas hingga 3 Februari lalu.

Menurut Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman, jumlah keseluruhan kawasan sawah padi yang diancam dengan serangan penyakit itu adalah seluas 725 hektar di Kedah dan Perlis dalam tempoh tersebut.

Menurutnya, daripada jumlah keluasan tersebut, MADA mendapati seluas 277 hektar telah mencapai tahap kematian pokok padi.

Katanya, antara kawasan yang serius diancam serangan penyakit itu ialah Wilayah IV

yang melibatkan kawasan Kota Sarang Semut di Jerai yang melibatkan keluasan 212 hektar dan seluas 107 hektar telah mencapai tahap kematian pokok padi.

"Kawasan-kawasan lain, Wilayah II di Jitra dekat Kubang Pasu pula melibatkan seluas 164 hektar dengan 94.07 hektar kematian pokok padi dan Wilayah III di Pendang pula seluas 37 hektar dan 63 hektar kematian pokok padi.

"Kawasan Wilayah I di Perlis melibatkan 38 hektar dan 12 hektar kematian pokok padi," katanya di sini semalam.

Bena perang adalah serangan perosak yang menghisap cairan pokok daripada tisu-tisu pembekal air dan makanan sehingga menyebabkan kerosakan dan kematian pokok padi.

Katanya, MADA kini melaksanakan program membantu kawalan serangan bena perang.

Dedak naik harga, penternak terbeban

Oleh AIN SAFRE BIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUJ Kenaikan harga dedak sehingga 20 peratus menyebabkan para penternak terbeban ditambah pula penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pasaran hasil ternakan mereka terhad.

Penternak ayam dan burung puyuh di Hutan Melintang dekat sini, Mohd. Anas Asmawi, 36, berkata, kenaikan harga dedak mula dirasai sejak permulaan PKP pada Mac tahun lalu namun kenaikan ketika ini tidak secara drastik.

Menurutnya, sejak November lalu sehingga bulan ini, kenaikan harga makanan ternakan itu berlaku setiap minggu dan kini mencecah sehingga 20 peratus.

"Contohnya dedak jagung, bagi setiap satu beg seberat 40 kilogram pada November berharga RM52, tetapi sekarang sudah mencecah RM61 manakala dedak untuk ayam, dulu RM106, sekarang naik kepada RM118.

"Saya memelihara ayam kira-kira 400 ekor dan burung puyuh sekitar 3,000 hingga 4,000 ekor. Sebulan, saya guna empat tan dedak dengan kos sebelum ini RM8,000 tapi disebabkan kenaikan harga dedak sehingga 20 peratus, bermakna kos membeli dedak saya kena tambah



MOHD. Anas Asmawi menunjukkan ternakan puyuh yang diusahakannya di Hutan Melintang, Perak semalam. -AIN SAFRE BIN

RM1,600.

"Jika keadaan ini berterusan, saya tidak tahu berapa lama boleh bertahan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, keadaan itu diburukkan lagi dengan penguatkuasaan PKP apabila banyak sektor ekonomi berkaitan ternakan tidak dibuka sepenuhnya seperti pelanggan tidak dibenarkan masuk ke premis menjual makanan, menyebabkan permintaan hasil

ternakan berkurangan.

Katanya, selain itu pasaran untuk tempahan majlis kenduri juga tidak ada kerana larangan mengadakan majlis perhimpunan disebabkan PKP.

"Dulu, kalau bahan mentah naik harga, ia boleh ditampung dengan menaikkan harga jualan, tapi, sekarang tak ada orang nak beli, jadi makan pun tutup, tak ada majlis kenduri seperti dahulu. Ini menyebabkan aliran tunai terjejas," katanya.

Serangan bena perang mematikan pokok padi

ALOR SETAR Serangan penyakit bena perang di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis kini mencapai tahap *hopperburn* atau kematian pokok padi di kebanyakan sawah pada musim 2/2020 dari November tahun lepas hingga 3 Februari lalu.

Menurut Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman, jumlah keseluruhan kawasan sawah padi yang diancam dengan serangan penyakit itu adalah seluas 725 hektar di Kedah dan Perlis dalam tempoh tersebut.

Menurutnya, daripada jumlah

keluasan tersebut, MADA mendapati seluas 277 hektar telah mencapai tahap kematian pokok padi.

Katanya, antara kawasan yang serius diancam serangan penyakit itu ialah Wilayah IV yang melibatkan kawasan Kota Sarang Semut di Jeral dengan keluasan 212 hektar manakala seluas 107 hektar telah mencapai tahap kematian pokok padi.

"Kawasan-kawasan lain, Wilayah II di Jitra dekat Kubang Pasu pula melibatkan seluas 164 hektar dengan 94.07 hektar kematian pokok padi dan Wilayah III di Pendang pula seluas 37 hektar dan 63 hektar kematian

pokok padi.

"Kawasan Wilayah I di Perlis melibatkan 38 hektar dan 12 hektar kematian pokok padi," katanya di sini semalam.

Bena perang (ulaparvata) juga adalah serangan perosak yang menghisap cairan pokok daripada tisu-tisu pembekal air dan makanan sehingga menyebabkan kerosakan dan kematian pokok padi.

Besnu berkata, MADA kini melaksanakan program membantu kawalan serangan bena perang di kawasan yang mempunyai penilaian risiko sangat tinggi dengan anggaran keluasan 1,619 hektar secara berperingkat.



SAMSOLBARI Jamali (tengah) menunjukkan hasil padi varieti MR269 yang menggunakan teknologi humid asid di sawah padi Kampung Sawah Sagil, Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor.

Humid asid bantu tingkat pengeluaran padi Johor

BATU PAHAT Teknologi humid asid yang digunakan dalam penanaman padi di negeri ini berupaya meningkatkan jumlah pengeluaran padi, sekali gus menajayakan program Perituk Nasi Selatan yang bermula sejak April tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Samsolbari Jamali berkata, pesawah di negeri itu sebelum ini menggunakan kapur untuk mengawal tahap keasidan tanah sehingga memberi kesan kepada hasil dan kualiti padi.

Menurutnya, Johor tidak boleh menambah keluasan tanaman padi yang kini berkekuasaan 2,900 hektar untuk meningkatkan hasil pengeluaran ekoran kawasan sawah yang terhad.

"Realitinya, Johor berada pada kedudukan yang tercorot, kita sudah tidak boleh buat apa-apa dengan keluasan untuk tingkat hasil padi, tetapi kita boleh menggunakan teknologi untuk melipat ganda pengeluaran.

"Sebab itu, kita perkenalkan teknologi humid asid untuk mengawal tahap keasidan tanah sawah yang menanam padi varieti MR269," katanya ketika meninjau hasil teknologi itu di sawah padi Kampung Sawah Sagil, Ayer Hitam di sini, semalam.

Ketika ini, kira-kira 900 pesawah di sembilan kawasan termasuk daerah ini, Muar, Tangkak, Mersing, Kota Tinggi dan Kluang menggunakan ka-

pur untuk tujuan tersebut.

Justeru, Samsolbari berkata, potensi untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dijangka menjangkau hampir dua kali ganda melalui kaedah itu disamping penggunaan teknologi drone untuk menabur baja.

"Ini selaras dengan program keselamatan makanan yang melibatkan Perituk Nasi Selatan, malah, kerajaan negeri juga memperuntukkan RM5 juta tidak termasuk RM859,000 dari Jabatan Pertanian khusus untuk pesawah di negeri ini," katanya.

Sementara itu, pesawah, Che Omar Shaari, 55, berkata, perbezaan antara dapat dilihat terhadap tanaman padinya yang mengeluarkan hasil lebih bersaiz besar berbanding sebelum ini setelah menggunakan humid asid.

"Pokok padi juga lebih berkualiti dan serangan serangga juga telah berkurangan selain dapat dituai lebih awal berbanding hari ke-115 sebelum ini," katanya.

Seorang lagi pesawah, Azlan Ansat, 38, berkata, mereka menyambut baik usaha dilakukan semua pihak untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi di negeri itu yang secara tidak langsung boleh meningkatkan pendapatan pada setiap kali musim menuai.

"Buat masa ini, kami nampak berpuas hati terhadap hasil tuai selepas menggunakan teknologi humid asid dan kami harap akan ada lagi penambahan untuk terus meningkatkan hasil padi," katanya.

Headline	RM5mil allocation to upgrade rice production equipment, provide technical support		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	09 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C4	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	693 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,350



山蘇峇里：助提高稻米產量

撥500萬提升設備技術支援



(峇株巴轄8日訊) 柔州农业、农基工业及乡区发展委员会主席拿督山苏峇里指出，虽然州内稻田面积难以进一步扩大，但州政府拨款500万令吉提升设备及提供技术支持，相信有助提升州内稻米质量。

他说，全柔共有10个稻田，总面积2900公顷，分布在东甲、麻坡、居鑾、丰盛港、兴楼等地，稻农约900人，但柔州稻米产量向来在全国“包尾”。

“要提高产量有3个途径，即增加稻田面积、增加稻米品种及使用新科技，但稻田面积难以增加，稻米目前只能用MR269品种，因此州政府通过农业局、大马农业研究及发展局（MARDI）、国家稻米公司（BERNAS）等单位配合，从技术层面协助稻农提升稻米产量。”

他举例，当局已逐步在州内各稻田采用腐植酸（humic acid）取代石灰，以降低土壤的酸性，并采

去年4月试用，10月开始在A区100英亩范围施用腐植酸，如今已开始收割，相信产量会提升至少1倍以上。

峇县农业局主任诺玛拉说，亚依

淡沙吉尔稻田的酸硷度（pH值）低至2.8，而理想pH值是5.5至6.5，在施用腐植酸后，偏酸问题已解决。

“腐植酸除了解决土质偏酸问题，也能加快稻穗生长及稻米成形的质

量。”

她透露，除了州政府500万令吉拨款，州农业局也获得另外85万令吉拨款，提升州内稻米产量。

用无人机（drone）施放肥料及腐植酸，同时以5公吨而不是15公吨重的割稻机收割稻米，避免机身过重，来回碾压破坏土壤。

山苏峇里也是巫统实马麻州议员，他今早巡视亚依淡沙吉尔稻田收割情形后说，州内目前的稻米产量，平均是每公顷3.3公吨。

3途径提高產量

他说，亚依淡沙吉尔稻田是州内首个大规模使用腐植酸的稻田，自

Headline	RM5mil allocation to upgrade rice production equipment, provide technical support		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	09 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C4	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	693 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,350

遇天災可獲支援 農民應向農業局登記

州内约半数农民仍未向农业局登记，山苏峇里希望农民主动向该局登记，以便在发生天灾或农作物面对疾病及虫害威胁时，能及时获得当局支援。

柔州农业、农基工业及乡区发展委员会主席拿督山苏峇里说，不久前发生的水灾，并未对稻农造成影响，但他鼓励农民未雨绸缪，预先向农业局登记，让农业局视需要提供援助。

“州内务农者主要分为3类，即自给自足、增加额外收入及商业用途，并非所有农民都须获得援助，但当局将视情况提供支援。”

他说，随著州政府拨款提供技术支援，希望能为稻农带来更好的收成，尤其亚依淡沙吉尔稻田在他担任该区代议士后，一直努力确保稻田保留下来，成为该区特色。

“我们或许无法让稻田提升为高端的有机稻田，但通过减少使用化学物质，稻田生态已恢复生气，像沙吉尔稻田已重见鱗鱼踪影。”

出席者包括柔佛州农民组织局（LPP）局长拿督沙瓦鲁丁。

Headline	RM5mil allocation to upgrade rice production equipment, provide technical support		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	09 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C4	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	693 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,350



■沙瓦鲁丁（右起）及山苏峇里亲自下田，察看改用腐植酸后产出的金黄色稻穗。



■山苏峇里（右）及沙瓦鲁丁（左）巡视亚依淡沙吉尔稻田收割稻米情况。

Headline	RM97 mln one-off aid for 323,334 recipients		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	09 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,221
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,663



Hajiji presenting the one-off RM300 aid to a small rubber plantation operator in Kampung Kabang, Papar.

RM97 mln one-off aid for 323,334 recipients

KOTA KINABALU: The state government has made payments of RM13,813,800 to 46,046 recipients of one-off aid as of February 7. Each of them received RM300.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said the state had agreed to implement Bantuan Sabah Prihatin Covid-19 2.0 for Sabahans affected by the Movement Control Order (MCO) in the state.

"This aid involves an allocation of RM97,000,200 with 323,334 recipients in the state. Payments were made beginning January 29.

"The state government is giving this assistance out of responsibility and concern for affected citizens, especially with the second MCO in effect," said Hajiji.

He said this during a working visit to Papar in conjunction with distributing the one-off aid and food baskets to small rubber

plantation operators at Semaian Kabang, Sabah Rubber Industry Board (LIGS), Kampung Kabang, Papar.

Hajiji added that the state government was aware of hindrances that came with the MCO 2.0, which disrupted many small businesses, on top of job loss.

"In light of this, those who were not listed as recipients of Bantuan Sabah Prihatin 1.0 can submit an appeal to their respective district offices or through the relevant ministry or agency," he said.

Food baskets were also distributed to 7,547 recipients as of February 7. This was part of the Hala Tuju Sabah Maju Jaya Initiative.

Also in attendance were Deputy Chief Minister cum Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Dr Jeffrey

Kitingan, Special Tasks Minister Datuk Mohd Arifin Mohd Arif, State Secretary Datuk Seri Sr Safar Untong and Kimanis member of parliament Datuk Mohamad Alamin.

Meanwhile, Hajiji announced a RM9 million allocation for the Sungai Kinarut flood mitigation scheme project.

"The funds would use to deepen and widen a three-kilometre stretch of the river," he said.

"The Drainage and Irrigation Department will be handling the project and I was made to understand that it will kick off in April, with completion due in two years," he said.

He added the river usually bursts its banks during the rainy season and flood surrounding areas, especially Kinarut town, adding that the project will help resolve this problem.

Hujan, banjir punca harga sayur naik

Peniaga, pengguna resah kadar meningkat hampir 50 peratus

Oleh Mohd Roji Kawi, Siti Haliza Yusop, Mohamed Farid Noh, Samadi Ahmad, Hazira Ahmad Zaidi, Balqis Jazimah Zahari, Noorazura Abdul Rahman, Yun Mikail dan Zaid Salim bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan sayur dipercayai akibat musim hujan dan banjir menyebabkan harga sayur di pasaran kini melonjak tinggi.

Meskipun bekalan masih mudah didapati, kenaikan harga sayur yang tinggi meresahkan peniaga dan pengguna.

Sayur seperti cili padi, cili merah, tomato, kubis, terung, kacang buncis, brokoli, kacang botol, kacang panjang, bendi dan petola mula naik harga hampir 50 peratus daripada harga biasa sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *BH* di beberapa pasar di ibu negara mendapati, tomato, cili dan kubis mengalami peningkatan harga.

Peniaga di Pasar Pagi Ikan Emas, Chan Fook Loy, 65, berkata tomato dan cili masing-masing dijual RM8 dan RM17 sekilogram oleh pemborong.

"Sebelum ini, cili dibeli hanya RM10 sekilogram dan tomato RM4 sekilogram, tetapi kerana bekalan

berkurangan harganya naik mendadak," katanya ketika ditemui.

Peniaga sayur, Yap Kok Leong, 63, berkata dia tidak lagi menjual cili selepas harganya naik mendadak di pasaran.

Faridah Zakaria, 54, pula mendapatkan bekalan cili dari luar kerana harganya lebih murah, berbanding dibeli dalam negara.

"Cili kampung dijual dalam negara memang mahal, jadi saya ambil daripada pemborong Thailand dan menjualnya pada harga RM8 sekilogram," katanya.

Di Johor Bahru, harga kacang buncis, tomato, dan kubis dikesan naik mendadak menjelang sambutan Tahun Baharu Cina hujung minggu ini.

Paling ketara harga kacang buncis naik kepada RM20 sekilogram, berbanding RM5 hingga RM6.50 sekilogram minggu lalu. Harga tomato turut meningkat antara RM6.50 hingga RM8 sekilogram, berbanding RM2 hingga RM3.50 sekilogram minggu lalu.

Peniaga sayur, Wan Baharuddin, berkata kenaikan harga sayur mendadak menyebabkan orang ramai kurang membeli sayur.

"Orang ramai juga mengeluh harga sayur mahal menyebabkan saya kurang mengambil sayur."

"Bukan saja pembeli, peniaga ju-



Harga sayur di Pasar Chow Kit naik hampir 50 peratus berbanding minggu sebelumnya. (Foto Saifulizan Tamadi /BH)

ga tersepit dengan situasi kenaikan harga sayur ini," katanya.

Di Ipoh, peniaga sayur di Pasar Gunung Rapat, Hasnah Basir, 68, berkata harga beberapa jenis sayur meningkat tiga kali ganda sejak dua minggu lalu.

"Walaupun harga sayur lain menurun, tomato, terung dan lobak tetap meningkat. Kami tidak mempunyai pilihan dan terpaksa menaikkan harga jika pembekal meletakkan harga tinggi," katanya.

Peniaga sayur di pasar sama, Mohd Firdaus Abdullah, 52, pula me-

mintakan pihak berkuasa memantau harga yang ada kalanya tidak terkawal di pasar borong.

Di Kuching, peniaga mendakwa kekurangan bekalan ketika musim hujan menjadi punca harga sayur di daerah ini meningkat sejak bulan lalu.

Peniaga yang enggan namanya disuarakan berkata, pekebun kini menghadapi masalah pengeluharan kerana cuaca tidak menentu sejak pertengahan Januari lalu.

Di Terengganu, pemborong sayur, Yaacob Mokhtar, 27, tidak menafikan terpaksa menjual beberapa jenis sayur lebih mahal berbanding hari biasa.

"Antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah batang dan daun sup, kacang panjang, tomato, cili padi merah dan hijau, lailan serta sawi kampung."

"Kenaikan harga berlaku antara RM3 hingga RM4 sekilogram, berbanding harga sebelum ini," katanya.

Di Putrajaya, harga sayur dikatakan melambung tinggi sekitar Januari lalu kini kembali stabil.

Tinjauan di Pasar Awam Presint 8 mendapati, kebanyakan peniaga memberitahu bekalan sayur mencukupi dan menunjukkan penurunan lebih 50 peratus.

Peniaga, Adnan Ismail, 49, berkata harga sayur melambung pada musim banjir lalu kerana kekurangan, selain tiada penghantaran bekalan.

"Setiap kali banjir, masalah sama berulang, namun pelanggan tetap beli walaupun mahal."

"Sebagai contoh, timun dijual RM9 sekilogram sekarang, berbanding RM15 sekilogram, manakala cili merah RM15 sekilogram, berbanding RM30 sekilogram sebelum ini," katanya.

Di Kedah, permintaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan harga sayur di negeri ini menurun sejak dua minggu lalu.

Bukan sahaja pembeli, peniaga juga tersepit dengan situasi kenaikan harga sayur.

Wan Baharuddin
Peniaga





Bekalan sayur kurang akibat musim hujan dikatakan punca harga di pasar uching naik. (Foto Mohd Rozi Kawi/ABH)



Antaranya, harga tomato RM10 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini, cili merah RM10 sekilogram (RM12) dan kacang buncis RM10 sekilogram (RM20).

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Fauzi Sharif, berkata jualan kira-kira 100 peniaga sayur di pasar berkenaan turut terjejas dan merosot hampir 60 peratus kerana tiada pelanggan.

"Sejak PKP mula dilaksanakan, pelanggan terutama peniaga kedai makan ke pasar mula berkura-

ngan," katanya. Di Sabah, bekalan bawang merah di negeri ini kembali pulih, namun masih belum mencukupi.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kebajikan Rakyat Sabah, Ir Shahelmei Yahya, berkata beliau difahamkan pihak berkaitan cuba mendapatkan bekalan bawang merah dari Vietnam dan Kemboja.

"Kita akan berusaha supaya pengguna mudah memperoleh bekalan bawang, sekali gus harganya dapat diturunkan juga," katanya.



Sebelum ini, cili dibeli hanya RM10 sekilogram dan tomato RM4 sekilogram, tetapi kerana bekalan berkurangan harganya naik mendadak.

Chan Fook Loy,
Peniaga



Cili kampung dijual dalam negara memang mahal, jadi saya ambil daripada pemborong Thailand dan menjualnya RM8 sekilogram.

Fariadah Zakaria
Peniaga

Kurang bekalan import akibat PKP pengaruhi harga

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan import, permintaan kurang disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan cuaca antara faktor mempengaruhi turun naik harga sayuran di pasaran tempatan.

Pengerusi Persatuan Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abd Rashid, berkata trend kenaikan harga sayuran mula berlaku sejak Oktober tahun lalu, ketika musim hujan dan banjir, tetapi ia tidak mempengaruhi semua jenis sayuran.

"Cuaca buruk pada Oktober, November, Disember dan awal Januari menyebabkan hasil tanaman berkurangan.

"PKP juga menyebabkan sayur tidak diimport kerana kekurangan permintaan, sekali gus menyebabkan harga meningkat," katanya ketika dihubungi BH.

Syed Abdul Rahman berkata, antara sayur yang mengalami kenaikan harga dalam tempoh PKP adalah jenis berdaun yang naik antara RM1 hingga RM2 sekilogram, selain kobis yang harganya jarang naik, juga meningkat sehingga RM8 sekilogram.

"Minggu ini harga sayur turun sedikit dan kembali pada antara RM1 hingga RM1.20. Harga tomato dan lada benggala juga turun, tetapi masih lagi RM2 hingga RM3 sekilogram," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Persatuan Penjual Sayur-sayuran Malaysia, Chong Tek Keong yang juga Timbalan Presiden Persatuan Pemborong Sayur Kuala Lumpur, berkata harga sayuran berdaun ketika ini murah jika dibandingkan dengan sayuran jenis berbuah seperti tomato.

"Tomato diambil dari Cameron Highlands dijual pada harga RM6 sekilogram berbanding tomato import sekitar RM3.

Cuaca buruk pada Oktober, November, Disember dan awal Januari menyebabkan hasil tanaman berkurangan. PKP juga menyebabkan sayur tidak diimport kerana kekurangan permintaan, sekali gus menyebabkan harga meningkat.

Syed Abdul Rahman
Syed Abd Rashid,
Pengerusi Persatuan Pekebun
Sayur Melayu Cameron Highlands

"Penguasa di Cameron Highlands mahu tomato dijual pada harga RM6 sekilogram, tetapi kita hanya dibenarkan jual di pasaran pada harga RM5.50.

"Ada bekalan masuk dari Thailand dan dijual pada harga RM3 lebih. Pemborong cuba bawa masuk bekalan dari Vietnam untuk penuli permintaan pasaran.

"Ramai ahli kami tak mahu jual sebab kalau jual mereka rugi. Kalau jual mahal, pula kena denda," katanya.

Setlauseha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, berkata kekurangan tenaga buruh di ladang sayur turut menjadi faktor yang boleh mempengaruhi harga sayuran di pasaran.

Beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) memasuki warga asing yang ketat turut memberi kesan terhadap tenaga buruh di ladang sayur yang banyak bergantung kepada pekerja asing.



Harga tomato tempatan naik berbanding import ketika tinjauan di Pusat Pengumpulan Sayur di Kampung Raja Cameron Highlands. comelon



SHARINA menunjukkan buah strawberi yang ditanam di halaman rumahnya di Taman Pinggiran Golf, Seremban semalam.

Pembuat kek tanam sendiri strawberi

SEREMBAN - Bermula sekadar menanam tujuh pokok strawberi sebagai hiasan kek brownies yang ditempah pelanggan, seorang usahawan pemasaran digital kini menjadikan jualan anak pokok buah berkenaan sebagai pendapatan sampingannya.

Sharina Md. Shah, 47, berkata, kini dia juga menjadi pembekal anak pokok strawberi yang hanya ditanam di halaman rumahnya di Taman Pinggiran Golf dekat sini kepada pengusaha bakeri di sekitar daerah itu.

"Pada mulanya, saya fokus untuk menanam anak benih strawberi tanah rendah pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu kerana kesukaran mendapatkan beka-

lan buah strawberi yang segar untuk dihias di atas kek.

"Kemudian timbul idea untuk menanam sendiri dua jenis buah strawberi berkenaan iaitu Japanese Sweet dan Korean Sweet. Saya melakukan penanaman secara tradisional kerana menggunakan baka tanah rendah yang memang sesuai pada cuaca panas ketika ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, kini, dia sudah menjual lebih 500 pokok strawberi dan ada kalanya pelanggan turut mahu membeli buah strawberi yang ditanamnya kerana rasanya lebih manis dan tidak masam.

"Buah strawberi ini sangat ma-

nis dan 60 peratus permintaan adalah dalam kalangan peniaga kek. Saya juga ada menerima permintaan dari sekolah-sekolah berdekatan yang mahu mendapatkan anak pokok ini.

"Kini saya mampu menjual sebanyak RM3,000 hingga RM5,000 sebulan dengan penjualan anak pokok strawberi berkenaan malah hasil tanaman saya sendiri mampu mendapat hasil sebanyak 50 hingga 100 biji buah strawberi seminggu," katanya.

Sharina menambah, penjualan strawberi berkenaan lebih mudah kerana perlu terdedah kepada cahaya lebih dari lima jam dan perlu diletakkan di tempat terbuka.



LATOK yang diusahakan di Port Dickson turut mendapat sokongan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Sapa menyangka rumpai laut yang popular di Sabah sebaliknya mampu ditanam secara serius di Lukut di sini.

Usaha penanaman rumpai laut yang turut popular dengan pangkalan anggur laut itu dilakukan Fatimah Salleh, 38, dan suaminya, Abdul Samad Idris, 44, sejak dua tahun lalu.

Malah, latok yang dihasilkan itu dibekalkan untuk dua restorannya di Kepong dan Shah Alam, Selangor.

Fatimah berkata, dia sebelum ini terpaksa mendapatkan bekalan latok dari Sabah ataupun dari Thailand.

"Berikutan keaukaran mendapatkan bekalan berterusan, saya dan suami mencari jalan untuk menanam rumpai laut ini, sekaligus menjadi pengeluar pertama di Negeri Sembilan.

"Bagi mendapatkan ilmu memelihara latok, kami pergi ke beberapa negara seperti Jepun, Filipina, Thailand, Vietnam dan Indonesia," kata wanita berasal dari Semporna, Sabah ini.

Katanya, hanya beberapa

“
Memelihara latok memerlukan suhu yang sesuai dan juga air laut yang bersih
Fatimah

Rezeki anggur laut

Pasangan usahakan penternakan latok pertama di Negeri Sembilan dapat sambutan menggalakkan

lokasi sesuai untuk penanaman latok seperti di Langkawi, Johor, Melaka dan Port Dickson.

"Namun kami menanam latok menggunakan air laut dengan proses pembiakan dilakukan di darat.

"Memelihara latok memerlukan suhu yang sesuai dan

juga air laut yang bersih kerana ia mudah rosak jika air laut kotor. Selepas hampir enam bulan, barulah kami memperoleh cara membiakkan latok dengan berkesan selepas beberapa eksperimen dilakukan," katanya.

Tambah menguaratkan semangat mereka apabila usaha itu disokong Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang ba-

nyak membantu.

"Latok agak sensitif pada air dan suhu kerana itu ia memerlukan tumpuan penjagaan. Air laut ini kami proses dahulu sebelum penanaman dimulakan.

"Latok memerlukan cahaya matahari bagi menghasilkan latok yang sihat dan panjang sekitar lapan inci. Apa yang menarik, latok ternak ini lebih bersih, kualiti lebih baik, lebih sedap dan tidak hanyir seperti latok yang tumbuh meliar atau dalam sangkar di laut," katanya.

Fatimah berkata, latok yang siap diproses dihantar kepada agen di seluruh Malaysia, malah turut mendapat permintaan dari pengusaha restoran makanan Jepun di Kuala Lumpur.

"Kami kini ada 19 kolam ternakan latok dan kami memerlukan 50 hingga 70 lagi kolam takungan untuk tambahan ternakan latok bagi mencukupkan permintaan di seluruh negara," katanya.



FATIMAH dan suaminya memulakan latok yang dibekalkan secara komersial di dalam kolam sangkang.



SHARINA Md. Shah menunjukkan pokok strawberi yang ditanam di halaman rumahnya di Taman Pinggiran Golf, Seremban. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

Ditanam di halaman rumah, sangat manis

Strawberi tanah rendah jadi pilihan

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamuka.com.my

SEREMBAN: Bermula sekadar menanam tujuh pokok strawberi, seorang usahawan pemasaran digital kini menjadikan jualan anak pokok buah berkenaan sebagai pendapatan sampingannya.

Sharina Md. Shah, 47, berkata, kini dia juga menjadi pembekal anak pokok strawberi yang hanya ditanam di halaman rumahnya di Taman Pinggiran Golf dekat sini kepada pengusaha bakeri di sekitar daerah ini.

"Pada mulanya, saya fokus untuk menanam anak benih strawberi tanah rendah pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu kerana kesukaran mendapatkan bekalan buah strawberi yang segar untuk dihias di atas kek.

"Kemudian timbul idea untuk menanam sendiri dua jenis strawberi iaitu *Japanese Sweet* dan *Korean Sweet*. Saya melakukan penanaman secara tradisional kerana menggunakan baka tanah rendah yang memang sesuai pada cuaca panas ketika ini," katanya ketika



Buah strawberi ini sangat manis dan 60 peratus permintaan adalah dalam kalangan peniaga kek."

SHARINA MD. SHAH

ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, kini dia sudah menjual lebih 500 pokok strawberi dan ada kalanya pelanggan turut mahu membeli buah strawberi yang ditanamnya kerana rasa lebih manis dan tidak masam.

"Buah strawberi ini sangat manis dan 60 peratus permintaan adalah dalam kalangan peniaga kek. Saya juga ada menerima permintaan daripada sekolah-sekolah berdekatan yang mahu mendapatkan anak pokok ini.

"Kini saya mampu menjana RM3,000 hingga RM5,000 sebulan dengan penjualan anak

pokok strawberi malah hasil tanaman saya sendiri mampu mendapat hasil sebanyak 50 hingga 100 biji buah seminggu," katanya.

Sharina menambah, penjagaan strawberi berkenaan lebih mudah kerana perlu terdedah kepada cahaya lebih daripada lima jam dan diletakkan di tempat terbuka.

"Pokok strawberi tanah rendah ini mudah dijaga lebih-lebih lagi dengan cuaca panas ketika ini sangat membantu pertumbuhan buah dan perlu disiram dua kali sehari untuk menjaga kelembapan tanah kerana menggunakan 70 peratus daripada tanah bakar.

"Saya membeli anak benih pokok strawberi berkenaan dari Perak dan mempelajari sepenuhnya melalui YouTube untuk penjagaan pokok berkenaan," katanya yang menjual anak pokok tersebut bermula pada harga RM15 hingga RM55.

Dia juga menjual buah strawberi kepada peniaga bakeri dengan harga serendah RM20 bagi 300 gram berbanding strawberi di Cameron Highlands yang dijual dengan harga RM25 sehingga RM29 untuk berat yang sama.

Latok Port Dickson jana RM1 juta

PORT DICKSON: Kesukaran mendapatkan bekalan latok segar untuk pelanggan di dua buah restoran milik mereka di Kepong dan Shah Alam mendorong sepasang suami isteri mengusahakan kolam pembiahan latok seluas 0.4 hektar di Lukut dekat sini, sejak tahun lalu.

Fatimah Salleh, 38, yang berasal dari Semporna, Sabah dan suaminya, Abdul Samad Idris, 44, sebelum ini terpaksa mencari pembekal latok dari Semporna dan beberapa buah negara seperti Jepun, Filipina, Thailand, Vietnam dan Indonesia.

"Kami mengalami kesukaran mendapatkan bekalan latok dan terpaksa pula mengimport latok dari luar negara. Kami kemudian mengambil pendekatan membiak latok secara komersial di sini sejak tahun lalu.

"Kami mempunyai dua buah restoran iaitu Ikan Bakar Semporna di Shah Alam dan Kepong yang kedua-duanya menghadirkan latok sebagai menu utama kepada pelanggan yang singgah ke situ," kata Fatimah kepada pemberita semalam.

Latok atau dalam bahasa saintifiknya, *caulerpa lentillifera* iaitu sejenis rumpai laut berwarna hijau.

Bagi masyarakat Sabah khususnya kaum Bajau Laut, latok biasanya dimakan sebagai ulam bersama nasi dan lauk-pauk yang dihidang dengan campuran perahan limau kasturi, bawang serta cili padi.

Menurut Fatimah, dia mampu menjana jualan RM1 juta dan boleh menghasilkan kira-kira dua tan latok sebulan.

"Saya mempunyai 15 kolam dan kami memerlukan 50 hingga 70 lagi kolam takungan untuk tambahan mengusahakan latok bagi menampung permintaan di seluruh negara.

"Saya juga tidak boleh menerima banyak tempahan luar kerana dua restoran saya memerlukan 30 kilogram latok sehari untuk pelanggan dan pada hujung minggu pula sebanyak 30 kilogram latok digunakan restoran," katanya.

Fatimah memberitahu, latok hanya ada di beberapa lokasi sesuai iaitu di Langkawi, Johor, Melaka dan Port Dickson.

"Kami menanam latok menggunakan air laut dengan proses pembiahan dalam kolam buatan. Jika ada yang bertanya sama ada sukar atau tidak, ia agak mudah kerana hanya memerlukan suhu sesuai dan air laut yang bersih kerana ia mudah rosak jika air laut kotor.

"Hanya selepas enam bulan baru kami mengetahui cara pembekalan latok dengan berkenaan selepas beberapa eksperimen dilakukan," katanya.

Tambahnya, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan juga turut membantu mencari lokasi sesuai untuk mengusahakan latok di negeri ini.

"Kawasan pantai Port Dickson memang tidak sesuai, kami pernah ke Terengganu, namun tidak juga sesuai kerana ombak yang kuat. Latok hanya sesuai jika kawasan tersebut dikelilingi pulau," katanya.

"Latok yang dihasilkan di sini lebih organik kerana kami menggunakan 100 peratus air laut," katanya.



FATIMAH Salleh dan Abdul Samad Idris menunjukkan latok yang diusahakan secara komersial di Lukut, Port Dickson. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

Sukar mendapat kerja dorong jadi penternak

Biri-biri 'jangok' jadi teman Nurul

Oleh **ROHANA MOHD. NAWI**
utusannews@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Alah bisa tegal biasa. Lebam-lebam di tangan dan kaki akibat ditanduk haiwan ternakan sendiri tidak sesekali membuatkan Nurul Syazwani Mohd. Shamsuddin serik untuk menjadi seorang penternak.

Ini terbukti apabila gadis manis berusia 22 tahun itu langsung tidak kekok melayani seekor biri-biri yang cuba menyondol dan mahu bermanja ketika kunjungan *Utusan Malaysia* di rumahnya di Binjai, di sini baru-baru ini.

Setakat ini, Nurul Syazwani memiliki 40 ekor biri-biri baka 'jangok' atau cantik selain turut memelihara ekor lembu pelbagai baka.

Graduan Diploma Kejuruteraan Awam dari Politeknik Ungku Omar, Perak itu berkata, kesukaran mendapat kerja menyebabkan dia nekad untuk bergelar penternak sepenuh masa dan tidak pernah menyesal dengan pilihan itu.

"Saya berminat dengan biri-biri dan lembu sejak berusia 12 tahun lagi kerana sering membantu menjaga ternakan bapa, Mohd. Shamsuddin Mat Deris, 50, yang merupakan seorang guru," katanya.

Bagi memastikan biri-biri peliharaannya kekal 'jangok', Nurul Syazwani mengakui agak teliti dan cerewet dalam aspek penjagaan haiwan tersebut.

"Setiap hari, saya perlu keluar awal pagi untuk memberi makan rumput dan dedak kepada mereka. Selepas memberi makan, saya akan memandikan biri-biri meng-



NURUL Syazwani bersama biri-biri jangok bernama Sri Binjai yang dibela di rumahnya di Binjai, Kota Bharu. - UTUSAN/ROHANA MOHD. NAWI

gunakan syampu khas supaya bulunya kekal cantik dan bersinar.

"Bulunya juga akan dipotong sama rata, selain dilumur minyak pada tanduk agar nampak lebih berkilat," katanya.

Ketelitian dan sikap cerewet Nurul Syazwani itu berbaloi apabila biri-biri jangok miliknya

pernah dinobatkan sebagai juara pertandingan biri-biri cantik anjuran Jabatan Pertanian negeri sebanyak lima kali.

"Setiap kali menang, rumah saya akan menjadi tumpuan ramai penternak dan penggemar biri-biri cantik yang ingin membuat tempahan baka," katanya.

TERUNG :

Nama saintifik:
solanum melongena.

Batang
Bercabang dan warnanya bergantung kepada varieti. Terdapat bulu-bulu halus pada batangnya.

Akar
Sistem akar tunjang dan akar berserabut.

Daun
Terdapat bulu-bulu halus pada daunnya. Perbezaan warna mengikut varieti.

Bunga
Memunyai tangkai pendek dan berbentuk bintang.

Buah
Buahnya berbentuk panjang atau bulat. Warnanya berbeza-beza dari putih, hijau atau ungu mengikut varieti.

Khasiat
Karbohidrat, Kalsium, Besi, Fosforus, Kalium, Niacin, Natrium dan Vitamin (B1, B2 dan C).



Proses memetik dilakukan tiga kali seminggu. Sekali tuaian boleh mencecah sehingga 150 kilogram atau lebih."

Hasil ladang terung membanggakan, meningkat saban hari

Semangat tak mengalah dua te

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamalaysia.com.my

SESIAPA sahaja pastinya buntu dan sedih apabila tiba-tiba hilang punca pendapatan berikutan pandemik Covid-19 yang berlarutan sejak hampir setahun lalu.

Dalam keadaan serba mencabar yang entah bila akan berakhir, sesuatu mesti dilakukan untuk menjana pendapatan.

Enggan mengalah dengan situasi, dua sahabat baik, Mohd. Aziuddin Alias, 35, dan Azrin Baharom, 35, mengambil inisiatif mengusahakan tanaman terung di Batu 2, Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis.

Mohd. Aziuddin berkata, pada peringkat awal, mereka menanam sebanyak 1,300.

"Selepas dua bulan mengusahakan tanaman tersebut ia kini memperoleh hasil malah mampu menjana pendapatan bulanan mencecah ribuan ringgit dengan hasil tuaian lebih dua tan sebulan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Proses memetik dilakukan tiga kali seminggu. Sekali tuaian boleh mencecah sehingga 150 kilogram atau lebih.

MODAL RM10,000

Mengenai pembabitan awal dalam bidang pertanian, anak muda berasal dari Kangar ini memberitahu berbekalkan modal RM10,000 daripada simpanan sendiri, mereka mengambil langkah menyewa lot tanah seluas 0.5 hektar di Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis.

Bertitik tolak daripada itulah mereka seterusnya mengusahakan tanaman terung secara fertigasi Julai lalu.

Lulusan Diploma Pertanian dari Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Melaka ini pernah berkhidmat di Pulau Pinang beberapa tahun sebelum diberhentikan kerja ekoran Covid-19.

Berkat kesabaran selain tidak mengenal erti putus asa, dia mampu menarik nafas lega apabila hasil tanaman mereka mampu membawa pulangan lumayan.

Bapa kepada seorang anak berusia lima tahun itu juga bercadang memperluaskan tanaman tersebut dalam tempoh terdekat selepas mendapat permintaan tinggi daripada pemborong serta para peniaga sekitar negeri ini.

"Alhamdulillah, berkat usaha selain tidak mengenal erti putus asa, kami mampu menjana pendapatan baharu selepas hilang sumber pendapatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini," katanya.

Mengakui pada peringkat awal berdepan kesukaran, namun hasil pertanian menggalakkan membaratkan semangat mereka untuk terus melipatgandakan usaha.

"Mungkin selepas ini, kami akan memperluaskan tanaman dengan pelbagai jenis sayuran lain seperti cili dan sebagainya. Apa yang pasti pertanian mampu memberi pulangan yang baik," katanya.

Hasil tanaman tersebut dijual terus kepada para peraih serta peniaga sekitar negeri ini.



SUBUR...Keadaan kebun terung yang diusahakan oleh Mohd. Aziuddin Alias

"Para peraih ada yang datang ambil di kebun dan kami juga menghantar hasil tanaman kepada para peniaga sekitar negeri ini," katanya.

BERSEMANGAT
Hasil tanaman

memberasangkan menyuntik semangat Azrin untuk serius dalam bidang pertanian.

Katanya walaupun menjaga tanaman tersebut tidaklah begitu mudah tetapi dia tekad demi mencari sesuap rezeki.

"Tanaman terung memerlukan ketelitian dan kerja keras.

"Bermula daripada proses penyediaan tapak, sistem

man



Azrin Baharom.

pengairan dan pemilihan jenis terung sesuai dengan cuaca dan pasaran setempat," katanya.

Proses semalan daripada



DUA sahabat, Azrin Baharom (kiri) dan Mohd. Aziuddin Alias mengusahakan tanaman terung di kawasan seluas 0.5 hektar di Batu 2, Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN



Proses semalan daripada biji benih, pemindahan ke tapak tanaman dan penjagaan sehingga pokok mengeluarkan hasil, sentiasa memerlukan pemantauan berterusan."

biji benih, pemindahan ke tapak tanaman dan penjagaan sehingga pokok mengeluarkan hasil, sentiasa memerlukan pemantauan berterusan.

"Seterusnya hal-hal penjagaan pokok seperti cantasan tunas air, kawalan serangga perosak dan kulat juga memerlukan komitmen berterusan dan berkala bagi menjamin hasil berkualiti," katanya.

Anak muda berasal dari Kampung Sempering, Santan, Kangar ini memberitahu, antara cabaran dihadapi sepanjang mengusahakan penanaman terung ialah serangan serangga perosak dan faktor cuaca tidak menentu.

"Setiap hari kami akan ke kebun untuk melakukan tugas yang perlu. Antaranya kerja pemangkasan pokok,



SETIAP tuzan terung mencecah sehingga 150 kilogram dan jumlahnya lebih dua tan sebulan.

kawalan rumput, menabur baja dan kawalan serangga perosak. Setiap proses ini memerlukan ketelitian bagi mendapatkan hasil berkualiti," katanya.

Anak bongsu daripada lima beradik ini memiliki ijazah sarjana muda dalam Bioteknologi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan sebelum ini bekerja dalam pelbagai sektor untuk menampung kehidupan.

Antaranya pembuatan kek dan kerja kayu sebelum usaha tersebut terbantu berikutan pelaksanaan PKP sebelum ini.

BERUSAMA

Bidang pertanian mampu menjana hasil lumayan namun perlu sentiasa berusaha dan jangan sesekali berputus asa.

"Setiap apa yang berlaku pasti ada hikmahnya. Selepas hilang kerja, kami bangkit mengusahakan tanaman terung dan mungkin akan diperluaskan lagi selepas ini," kata Azrin.

Menyentuh mengenai aspek perlu dititik beratkan sebelum individu terjun ke dalam bidang pertanian, katanya, individu perlu terlebih dahulu mengikut kursus dianjurkan pihak kerajaan ataupun swasta bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai proses tanaman itu.

Azrin berkata, proses pembelajaran itu penting bagi menghasilkan tanaman berkualiti.

"Kami turut meneliti bahan bacaan dan video secara dalam talian mengenai proses



AZIUDDIN memetik terung yang sudah cukup umur untuk dijual.

tanaman terung ini. Bajin bertanya dan meminta nasihat daripada pekebun tanaman fertigasi lain yang lebih berpengalaman juga turut kami lakukan untuk mendapatkan ilmu," kata Azrin.

Beliau turut berharap lebih ramai anak muda menceburi bidang pertanian kerana ia berpotensi menjana pendapatan, khususnya dalam tempoh sukar menghadapi pandemik Covid-19.